



PEKELILING PENTADBIRAN BIL.1/2025

PENDAFTARAN MYDIGITAL ID SECARA ATAS TALIAN UNTUK PENJAWAT AWAM

1. Pekeliling ini bertujuan memaklumkan kepada semua staf Universiti Malaysia Kelantan (UMK) mengenai pendaftaran MyDigital ID secara dalam talian bagi penjawat awam.
2. Untuk makluman, MyDigital ID merupakan inisiatif yang dicetus daripada aspirasi YAB Perdana Menteri untuk memastikan seluruh rakyat Malaysia dapat menjalankan transaksi digital dengan lebih selamat dan dipercayai, seterusnya menjana pembangunan aktiviti ekonomi digital negara.
3. Selaras dengan penggunaan tersebut, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dengan kerjasama MIMOS Berhad telah membangunkan fungsi bagi penggunaan MyDigital ID dalam aplikasi mudah alih MyHRMIS Mobile untuk menyokong inisiatif pelaksanaan MyDigital ID seperti mana di **Lampiran A**.
4. Pendaftaran boleh dilakukan dengan muat turun Aplikasi MyDigital ID di *App Store*, *Google Play* atau *Huawei AppGallery* di telefon bimbit masing-masing.
5. Sehubungan itu, semua staf adalah diminta untuk mengambil perhatian dan **diwajibkan** untuk mendaftar MyDigital ID seperti mana perkara di atas.

Sekian, terima kasih.

"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"
"MALAYSIA MADANI"
"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,

(KHAIRUL ERUWAN BIN ABDUL HALIM, P.J.K)

Pendaftar

13 JANUARI 2025

- s.k
- Menjalankan Fungsi Naib Canselor
 - Timbalan-Timbalan Naib Canselor
 - Semua Ketua Pusat Tanggungjawab



KETUA PENGARAH PERKHIDMATAN AWAM
DIRECTOR-GENERAL OF PUBLIC SERVICE
 Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia
Public Service Department, Malaysia
 Aras 13, Blok C1, Kompleks C
 Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
 62510 W.P. PUTRAJAYA
 MALAYSIA

Tel: 603-80008000
 Faks (Fax): 603-88892187
 Laman Web (Web): www.jpa.gov.my

Ruj. Kami : JPA.100-15/3/5 (61)

Tarikh : 16 Mei 2024

Semua Ketua Setiausaha Kementerian
 Semua Ketua Jabatan Persekutuan
 Semua YB Setiausaha Kerajaan Negeri
 Semua Pihak Berkuasa Berkanun
 Semua Pihak Berkuasa Tempatan

YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan,

**PELAKSANAAN PENGGUNAAN FUNGSI MYDIGITAL ID BAGI
 APLIKASI MUDAH ALIH MYHRMIS MOBILE**

Dengan hormatnya saya ingin menarik perhatian YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan kepada perkara tersebut di atas.

2. Identiti Digital Malaysia (MyDigital ID) adalah satu inisiatif Kerajaan bagi pengesahan identiti secara digital yang selamat dan sah untuk pengguna dalam talian. Selaras dengan penggunaan tersebut, sukacita dimaklumkan bahawa Jabatan Perkhidmatan Awam dengan kerjasama MIMOS Berhad telah membangunkan **fungsi bagi penggunaan MyDigital ID dalam aplikasi mudah alih MyHRMIS Mobile** untuk menyokong inisiatif pelaksanaan MyDigital ID tersebut.



3. Fungsi ini telah boleh digunakan mulai **13 Mei 2024** dan tempoh pengenalan adalah selama dua (2) minggu. Selepas tempoh tersebut iaitu mulai 27 Mei 2024, kemudahan log masuk ke aplikasi MyHRMIS Mobile menggunakan ID HRMIS sedia ada akan ditutup dan pengguna hanya boleh menggunakan MyDigital ID untuk log masuk ke aplikasi berkenaan. Ini bertujuan untuk menggalakkan pendaftaran MyDigital ID dan penggunaannya dalam kalangan penjawat awam. **Walau bagaimanapun, akses kepada aplikasi HRMIS 2.0 melalui laman web masih boleh menggunakan ID HRMIS seperti biasa.**

4. Sebarang pertanyaan mengenai penggunaan dan pendaftaran MyDigital ID boleh dikemukakan kepada pihak MIMOS menerusi alamat e-mel **info@digital-id.my** dan talian telefon **03-86872772**. Kerjasama dan perhatian pihak YBhg. Tan Sri/ Datuk Seri/ Dato' Seri/ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amatlah saya hargai.

Sekian, terima kasih

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(DATO' SRI WAN AHMAD DAHLAN BIN HAJI ABDUL AZIZ)

s.k. :

Ketua Setiausaha Negara

Ketua Setiausaha Sulit kepada Perdana Menteri